

**Dahulu nak lelong, kini mahu Putrajaya – TPM  
Utusan Online  
15 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR 14 Mei - Tan Sri Muhyiddin Yassin menyelar sikap pembangkang yang sering kali mengkritik idea dan projek pembangunan mega kerajaan khususnya ketika era pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Timbalan Perdana Menteri berkata, projek-projek pembangunan seperti pembinaan jambatan Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya didakwa mereka sebagai projek 'gajah putih' yang tidak menguntungkan negara malah membazir wang rakyat.

"Namun hari ini kita dapat lihat bagaimana pandangan jauh Dr. Mahathir dalam meletakkan asas kepada pembangunan dan kemajuan negara telah berjaya melepasi ujian zaman. Misalnya, Jambatan Pulau Pinang yang dahulunya dianggap satu pembaziran oleh pembangkang kini terbukti memberikan sumbangan besar kepada pembangunan pesat negeri itu.

"Begitu juga dengan pembangunan Putrajaya, ketika peringkat awal pembinaannya, pembangkang begitu ghairah mengkritik dan menuduh kerajaan dengan pelbagai tohmahan. Gamat satu negara kononnya Putrajaya adalah satu lagi projek 'gajah putih' Tun yang membazir wang rakyat.

"Malah pembangkang tanpa segan silu berjanji Putrajaya akan dilelong jika mereka memerintah. Kini, jauh panggang daripada api. Janji mahu melelong Putrajaya langsung tidak kedengaran lagi. Apa yang kita dengar, kempen 'Road To Putrajaya' oleh pembangkang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Ikon Membaca Kebangsaan dan Penyemarakan Kempen Nilai-nilai Murni 1Malaysia di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Muhyiddin berkata, tidak dinafikan sepanjang kepimpinan Dr. Mahathir banyak idea beliau dikritik dan dibangkang oleh beberapa pihak terutama pembangkang.

"Kita juga pasti ingat bagaimana Tun menangani krisis kewangan yang melanda negara pada 1997. Walaupun dikritik hebat oleh pengamal ekonomi bebas, baik di dalam mahupun di peringkat antarabangsa, beliau nekad mengambil tindakan di luar kelaziman dengan mengikat mata wang ringgit.

"Beliau juga mengambil langkah bijak dengan menolak bantuan daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) yang dibimbangi akan membuka jalan kepada penjajahan ekonomi bentuk baru ke atas Malaysia," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0515&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0515&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm)

